

SH 26/10/2019 m/s 13

## Dua bot nelayan asing ceroboh perairan ditahan

**KUANTAN** - Dua bot disyaki milik nelayan asing bersama dua tekong dan 21 awak-awak ditahan Agensi Pengawas Maritim Malaysia (APMM) di perairan negeri Pahang tengah hari kelmarin.

Bot terbabit ditahan kerana disyaki melakukan aktiviti menangkap ikan pada kedudukan kira-kira 64 batu nautika dari Kuala Pekan.

Pengarah APMM Pahang, Laksamana Muda Maritim Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, dua bot berkenaan menggunakan nombor pendaftaran dipercayai dari Vietnam.

Menurutnya, hasil pemeriksaan ke atas bot terbabit, pihaknya menemui dan merampas pelbagai jenis ikan di-

anggarkan seberat 4 tan.

"Semua barang rampasan termasuk bot dianggarkan bernilai hampir RM2 juta.

"Tekong dan semua awak-awak berusia dalam lingkungan 16 hingga 53 tahun dan bot yang ditahan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk siasatan lanjut," katanya di sini semalam.

Zulkarnain berkata, kes disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah dan Akta Perikanan 1985 kerana memasuki dan menangkap ikan di kawasan perairan Malaysia tanpa kebenaran.

Beliau berkata, jika disabitkan kesalahan, kedua-dua tekong boleh dikenakan denda tidak lebih RM1 juta atau penjara tidak melebihi 3 tahun.

"Bagi semua awak-awak mereka berdepan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun jika sabit kesalahan," katanya.

Menurutnya, sehingga hari ini APMM Negeri Pahang telah melakukan 755 pemeriksaan dengan 61 tangkapan melibatkan pelbagai kesalahan.




FOTO: IHSAN APMM PAHANG

**Bot disyaki milik nelayan asing ditahan APMM tengah hari kelmarin.**